

(8 Mei 2022) Berita Harian p. 8

DBKL sedia RM10j bagi pelan jangka pendek atasi banjir

Peruntukan digunakan beli 20 pam air mudah alih, ubah suai longkang di lokasi dikenal pasti

Oleh Irwan Shafrihan Ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperuntukkan RM10 juta bagi melaksanakan pelan jangka pendek penyelesaian masalah banjir kilat di ibu negara.

Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek) DBKL, Datuk Azmi Abdul Hamid, berkata daripada jumlah itu RM5 juta akan digunakan untuk pembelian peralatan, termasuk tambahan 20 pam air mudah alih dan beg pasir bagi langkah mitigasi.

Beliau berkata, peruntukan selebihnya akan digunakan bagi kerja pengubahsuaian saluran longkang (outlet) di hotspot (lokasi kerap banjir yang dikenal pasti).

Katanya, setakat ini DBKL hanya mempunyai empat pam dan masih memerlukan lebih banyak lagi.

“Bagi fasa pertama, kita akan membuat pembelian 20 pam mudah alih dengan kos seunit kira-kira RM20,000 dan proses pembelian dijangka selesai dalam tempoh terdekat selepas Aidilfitri serta akan ditempatkan di pejabat kecil DBKL yang berhampiran hotspot.

“Sekiranya hujan lebat di mana-mana 25 kawasan hotspot dikenal pasti ini, pam akan digunakan untuk mengempam keluar



DBKL menyediakan pelan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi banjir kilat setiap kali hujan lebat di Kuala Lumpur.

air dan dialihkan ke kawasan berdekatan yang lebih tinggi dan tidak berlaku limpahan.

“Langkah segera ini bagi mengurangkan impak kerosakan harta benda atau kenderaan yang mungkin terperangkap dalam banjir kilat,” katanya kepada *BH* semalam.

Azmi berkata, langkah jangka pendek yang sedang dilaksanakan ialah membabitkan kerja pengubahsuaian saluran longkang di hotspot.

“Jurutera DBKL sudah mem-

buat kajian keperluan untuk mengubah suai bukaan outlet dan saiz saluran supaya memadai untuk tampung aliran air. Buat masa ini, kerja pengubahsuaian dan penambahan outlet sedang dijalankan di salah satu hotspot iaitu di persimpangan Bukit Jalil.

“Kita buat pengubahsuaian outlet atau tambah saluran atau buat konsep terbuka seperti negara lain, termasuk Singapura iaitu air masuk terus ke saluran.

“Kos untuk pengubahsuaian satu lokasi dengan anggaran ja-

rak 500 meter adalah sekitar RM200,000, jadi kos bergantung pada jarak dan keadaan infrastruktur saluran di lokasi itu,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, antara langkah jangka pendek lain termasuk menempatkan dengan kadar segera seorang pegawai di setiap hotspot bagi melihat dan memantau jika berlaku hujan lebat.

“Bagi langkah jangka panjang DBKL sudah melantik Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) bagi melaksana Kajian serta Konsep Mitigasi untuk Banjir Kilat di Kuala Lumpur.

“Kajian ini mengambil tempoh 12 bulan membabitkan lima fasa. Buat permulaan kajian akan menumpukan kepada keseluruhan saluran kawasan hotspot terutama saluran dari kawasan perumahan masuk ke saluran induk dan kemudian ke sungai.

“Pelan jangka panjang lain termasuk membina kolam takungan bawah tanah *On Site Detention* (OSD) untuk menampung lebih air,” katanya.

“Bagi fasa pertama, kita akan membuat pembelian 20 pam mudah alih dengan kos seunit kira-kira RM20,000 dan proses pembelian dijangka selesai dalam tempoh terdekat selepas Aidilfitri”

Azmi Abdul Hamid,
Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek) DBKL

